

## KPDNHEP rekod rampasan RM298,077 dalam 37 kes sepanjang PKP

2020-05-12T17:40:37+08:00

  
 KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN KESUKSESAN  
 MALAYSIA PEMERINTAH

### SENARAI HARGA RUNCIT BARANG KAWAL BERJADUAL YANG DIKAWAL SECARA PERUNDANGAN DAN PENTADBIRAN

#### PERUNDANGAN

<p><b>TOPENG MUKA (PEMBEDAHAN/PERUBATAN) 1 LAPISAN (GELUNG TELUNGA)</b></p> <p>RM 7.00 SEKOTAK RM 0.15 SEUNIT</p> 	<p><b>TOPENG MUKA (PEMBEDAHAN/PERUBATAN) 2 LAPISAN (GELUNG TELUNGA)</b></p> <p>RM 10.00 SEKOTAK RM 0.20 SEUNIT</p> 	<p><b>TOPENG MUKA (PEMBEDAHAN / PERUBATAN) 3 LAPISAN (GELUNG TELUNGA / BAYAN KEPALA)</b></p> <table style="width: 100%; border: none;"> <tr> <td style="border: none;">BORONG</td> <td style="border: none;">RUNCIT</td> </tr> <tr> <td style="border: none;">RM 72.50 SEKOTAK RM 1.45 SEUNIT</td> <td style="border: none;">RM 75.00 SEKOTAK RM 1.50 SEUNIT</td> </tr> </table>  <p><small>*3 Ply jenis bertapis</small></p>	BORONG	RUNCIT	RM 72.50 SEKOTAK RM 1.45 SEUNIT	RM 75.00 SEKOTAK RM 1.50 SEUNIT		
BORONG	RUNCIT							
RM 72.50 SEKOTAK RM 1.45 SEUNIT	RM 75.00 SEKOTAK RM 1.50 SEUNIT							
<p><b>TOPENG MUKA (PEMBEDAHAN/PERUBATAN) N95</b></p> <p>RM 6.00 SEUNIT</p> 	<p><b>GULA PASIR PUTIH BERTAPIS (1KG)</b></p> <table style="width: 100%; border: none;"> <tr> <td style="border: none;">HALUS</td> <td style="border: none;">KASAR</td> </tr> <tr> <td style="border: none;">RM 2.95</td> <td style="border: none;">RM 2.85</td> </tr> </table> 		HALUS	KASAR	RM 2.95	RM 2.85		
HALUS	KASAR							
RM 2.95	RM 2.85							
<p><b>GAS PETROLEUM CECAIR</b></p> <table style="width: 100%; border: none;"> <tr> <td style="border: none;">10 KG</td> <td style="border: none;">12 KG</td> <td style="border: none;">14 KG</td> </tr> <tr> <td style="border: none;">RM 19.00</td> <td style="border: none;">RM 22.80</td> <td style="border: none;">RM 26.60</td> </tr> </table> <p><small>*Harga tidak termasuk CAJ PENGHANTARAN</small></p>			10 KG	12 KG	14 KG	RM 19.00	RM 22.80	RM 26.60
10 KG	12 KG	14 KG						
RM 19.00	RM 22.80	RM 26.60						

#### PENTADBIRAN

<p><b>MINYAK MASAK PAKET 1KG</b></p> <p>RM 2.50</p> 	<p><b>TEPUNG GANDUM SERBAGUNA 1KG</b></p> <p>RM 1.35</p> 
---	---





**KAWAL:** Senarai harga runcit barangan kawal berjadual yang dikawal secara perundangan dan pentadbiran.



**KOTA KINABALU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah mencatatkan rampasan barangan mencecah RM298,077.15 dalam 37 kes keseluruhan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengarahnya Georgie Abas berkata, tindakan itu dilaksanakan semasa 13,444 keseluruhan pemeriksaan dijalankan bermula 18 Mac sehingga 11 Mei lalu.

“Pemeriksaan membabitkan premis perniagaan meliputi kawasan bandar dan luar bandar di seluruh Sabah dan KPDNHEP menghasilkan sebanyak 37 tindakan kes mengikut undang-undang yang dikuat kuasakan dengan nilai rampasan berjumlah RM298,077.15.

“Kita juga merekodkan 16 kes dikompaun dengan hasil kutipan sebanyak RM7,100.00.

“Daripada 16 kes yang dikompaun itu, sebanyak tiga kes adalah kesalahan membabitkan peniaga menjual barang kawalan melebihi daripada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan dan 13 kes pula melibatkan kesalahan yang berkaitan dengan kegagalan peniaga meletakkan tanda harga terhadap barangan yang dijual,” katanya sambil menambah kedua-dua jenis kes ini adalah kesalahan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011.

Georgie berkata dari segi aduan pengguna pula, sebanyak 278 aduan diterima sejak 18 Mac sehingga 10 Mei lalu dan 231 aduan bersamaan 83 peratus daripada keseluruhan aduan pengguna sudah diselesaikan.

“Baki sebanyak 47 bersamaan 17 peratus aduan lagi masih dalam siasatan lanjut dan saluran aduan yang menjadi pilihan utama adalah menerusi portal e-aduan ([eaduan.kpdnhepgov.my](http://eaduan.kpdnhepgov.my)), aplikasi telefon pintar (Ez ADU KPDNHEP) dan aplikasi WhatsApp di talian 019-279 4317.

“Dua kategori aduan tertinggi sepanjang tempoh PKP adalah berkaitan Harga dan Transaksi Atas Talian,” katanya.

Menurutnya KPDNHEP Sabah komited untuk memastikan pemantauan dan pemeriksaan berterusan terhadap bekalan dan harga barang keperluan isi rumah sepanjang tempoh PKP dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

“KPDNHEP Sabah ingin memaklumkan kepada semua bahawa hasil pemantauan dan pemeriksaan yang dibuat ke atas pengeluar, pemborong dan peruncit di sepanjang tempoh PKP ini mendapati bekalan barang perlu adalah mencukupi, stabil dan mudah diperolehi.

“Kita juga memastikan Program Penyeragaman Harga berjalan dengan lancar walaupun dalam tempoh PKP, dan program yang diperkenalkan semenjak 2009 ini bukan sahaja dapat memastikan tujuh jenis barang keperluan iaitu beras, gula, minyak masak, tepung, LPG, petrol Ron95 dan diesel sampai kepada penduduk di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman, tetapi juga membolehkan mereka membeli barangan berkenaan pada harga yang sama seperti di bandar dan pekan,” katanya.

Katanya program ini dapat dicapai kerana pihak kerajaan menanggung kos pengangkutan bagi tujuh item berkenaan dari pembekal ke kawasan pedalaman terpilih, sebagai contoh, sebelum Program Penyeragaman Harga dilaksanakan, tujuh barangan keperluan itu dijual pada harga dua hingga tiga kali ganda di sesetengah kawasan pedalaman kerana kos pengangkutan yang sangat tinggi.

“Lebih 600 Point of Sales (POS) di seluruh Sabah terlibat dalam program ini dan sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan yang menjelang tiba, pemeriksaan semua peringkat rantai makanan akan dipertingkatkan lagi bagi memastikan bekalan barang keperluan sentiasa mencukupi dan dijual pada harga yang berpatutan.

“Selain pemantauan dan pemeriksaan bekalan dan harga barangan keperluan, KPDNHEP Sabah kini juga terlibat dengan penguatkuasaan pematuhan PKPB selaras Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi pemeriksaan khas (harian) KPDNHEP atau operasi bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM).





**GEORGIE**

“Semasa pemeriksaan, pegawai penguat kuasa KPDNHEP akan memastikan premis perniagaan yang beroperasi melaksanakan perkara seperti penyediaan hand sanitiser, mekanisme penjarakan sosial seperti penandaan jarak 1 meter di lantai, penyediaan 'contactless thermometer' di pintu masuk premis, pemakaian face mask oleh setiap pekerja di kawasan umum, penyediaan buku pendaftaran pelanggan/pelawat di kedai makan, serta beberapa perkara lain lagi,” katanya.

Beliau juga menasihatkan segelintir peniaga yang cuba mengambil kesempatan dalam tempoh PKP berkuat kuasa dan sesiapa yang didapati menaikkan harga barangan secara tidak berpatutan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011.

“Mana-mana orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Bagi mana-mana pertubuhan perbadanan yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah akta ini selanjutnya boleh didenda tidak melebihi RM500,000,” katanya.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/05/12/kpdnhep-rekod-rampasan-rm298077-dalam-37-kes-sepanjang-pkp>